

HALA TUJU PENDIDIKAN DAN LATIHAN GURU BAHASA MELAYU PADA ABAD KE-21

Juriah Long et al.

Abstrak

Pendidikan dan latihan guru Bahasa Melayu (BM) pada abad ke-21 adalah berbeza dengan pendidikan dan latihan yang diterima pada masa lalu. Banyak aspek dalam pendidikan dan latihan guru dimasukkan seperti kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kepelbagaian kecerdasan dan banyak lagi. Penubuhan Sekolah Bestari turut menjadikan pendidikan dan latihan yang diterima oleh guru BM semakin mencabar.

Abstract

In the 21 st.century, the education and training of Bahasa Melayu teachers is different from the past. Many aspects of teacher's education and training are included, such as the competency in ICT, creative and critical thinking, diversity in intellectual capacity and etc. Smart Schools make the education and training of teachers to be more challenging.

PENDAHULUAN

Penulis-penulis tentang pendidikan dan latihan guru bahasa menunjukkan bahawa proses ini merupakan proses memberi latihan dan pengalaman serta pemupukan nilai profesional kepada guru-guru pelatih bagi menguasai kecekapan ikhtisas dalam bidang pendidikan bahasa (Streven, 1978; Wallace, 1991; Cheng Kai-Ming, 1994). Strevens (1978) menyatakan antara ciri-ciri unggul yang perlu wujud dalam pendidikan guru bahasa ialah kualiti guru, kebolehan teknikal bagi membolehkan pelatih mengendalikan proses

pengajaran dan pembelajaran bahasa serta pemahaman terhadap profesionalisme guru. Cheng Kai-Ming (1994) pula menambah bahawa guru pelatih juga perlu mempunyai nilai profesional atau komitmen mereka terhadap bidang pendidikan.

Ciri-ciri di atas adalah selaras dengan kandungan Rancangan Malaysia ke-7 yang menegaskan bahawa pendidikan guru di negara ini bertujuan untuk mengeluarkan guru yang berkualiti, inovatif, bertanggungjawab, dan bermotivasi. Untuk mencapai tujuan ini, kurikulum pendidikan guru, dan kegiatan kokurikulum ditumpukan kepada kaedah mengajar pelbagai mata pelajaran serta pemupukan nilai positif dan disiplin (Rancangan Malaysia ke-7 1996:329).

Ahli-ahli pendidikan seperti Wallace (1991) dan Robiah (1993) berpendapat bahawa pendidikan tidak berlaku dalam satu vakum, tetapi ia mencorak dan dicorakkan oleh faktor-faktor luaran seperti faktor politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan serta faktor dalaman seperti kurikulum pendidikan, falsafah, dan dasar pendidikan. Faktor-faktor inilah yang menentukan tujuan dan corak pendidikan pada sesuatu masa serta masa yang akan datang.

Usaha Malaysia untuk mencapai ke taraf negara maju tidak mungkin terlaksana sekiranya sistem pendidikan kebangsaan tidak melalui perubahan sistematik dalam aspek kurikulum, sistem penilaian, pengurusan, pentadbiran, dan latihan guru (Kementerian Pendidikan 1998). Justeru, kerajaan telah melancarkan Projek Sekolah Bestari yang bertujuan untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berfikiran kreatif dan inovatif penyayang dan berakhlak mulia selaras dengan tuntutan dan cabaran masa kini dan dekad yang akan datang (Kementerian Pendidikan 1998). Kementerian juga telah menjelaskan bahawa pengajaran-pembelajaran di Sekolah Bestari berbeza dengan pengajaran-pembelajaran tradisional kerana dijayakan dengan bantuan pelbagai media teknologi khususnya teknologi maklumat yang terkini dengan jaringan yang meliputi seluruh dunia (Kementerian Pendidikan 1998). Mengikut perancangan Kementerian Pendidikan, Sekolah Bestari ini akan dilaksanakan di 90 buah sekolah percubaan pada tahun 1999 dan pada tahun 2010 semua 10 000 sekolah di seluruh Malaysia akan menjadi Sekolah Bestari (Kementerian Pendidikan 1997).

SENARIO PENDIDIKAN BAHASA MELAYU ABAD KE-21

Peranan BM sebagai pembina intelek masyarakat kian tercabar dan dicabar (Rustam, 1993). Cabaran BM abad ke-21 ini juga memberi tempas kepada

sistem pendidikan dan latihan untuk guru serta bakal guru BM secara keseluruhannya. Kespantasan penerimaan teknologi maklumat dalam penjana pendidikan juga turut menyumbang kepada cabaran sistem pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21. Justeru, langkah-langkah untuk memantapkan kurikulum pendidikan dan latihan guru BM perlu dilakukan seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan pendidikan bertaraf dunia, demi menjadikan budaya Melayu budaya serantau pada abad ke-21 (Ismail, 1999).

Justeru, BM sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara dapat dipertahankan dan diperkembang berdasarkan pelbagai akta dan laporan. Bermula daripada Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran (1961), Akta Bahasa Kebangsaan (1963 serta pindaan 1967 dan 1990) dan Akta Intitusi Pengajian Tinggi Swasta (1996) memperlihatkan kedudukan BM sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan sentiasa terpelihara.

Perkembangan ini memperlihatkan bahawa mulai tahun 1983, pelaksanaan penuh BM pada semua peringkat persekolahan dan pendidikan di Malaysia telah dijalankan. Kedudukan BM sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan negara tercerna jelas dalam dasar bahasa di sekolah, maktab dan universiti. Pembukaan Sekolah Bestari mulai tahun 1999 menjadi '*turning point*' kepada pendidikan BM abad ke-21. Ekoran daripada itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (1998) menghasilkan Huraian Sukatan Pelajaran BM Tingkatan 1–5 Edisi Sekolah Bestari sebagai panduan kepada guru-guru BM.

Kurikulum BM Sekolah Bestari tidak hanya menekankan kemahiran-kemahiran asas bahasa dan berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis tetapi juga jauh daripada itu. Penggunaan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran menjadi antara kriteria utama di samping pengolahan teknik dan penggunaan bahan alat bantu serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi dan berinteraksi. Strategi pengajaran-pembelajaran BM Sekolah Bestari menekankan konsep penggabungjalinan antara kemahiran berbahasa dengan tatabahasa dan peribahasa, dan konsep penyerapan yang menyerapkan ilmu pelbagai mata pelajaran dan nilai murni agar pengajaran dan pembelajaran BM sentiasa dapat disampaikan dan dipelajari dalam konteks dengan lebih bermakna.

Konsep penyerapan dalam kurikulum BM pula lebih kepada penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar. Penerapan nilai murni diterjemahkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran BM di bilik darjah. Antara konsep penyerapan tersebut adalah seperti berikut:

“Isi pengajaran BM yang meliputi pelbagai bidang ilmu, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan, semangat kewarganegaraan dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan hendaklah diserapkan dalam pengajaran-pembelajaran Bahasa Melayu”.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998)

KURIKULUM PENDIDIKAN DAN LATIHAN GURU BAHASA MELAYU ABAD KE-21

Demi memenuhi hasrat dan aspirasi negara seperti yang tersurat dalam Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional, corak pendidikan dan latihan pendidikan guru juga turut berubah. Matlamat pendidikan guru kini menekankan kepada perkembangan dari segi tiga komponen utama, iaitu profesional, akademik, perkembangan diri dan sosial terhadap individu guru (Abu Bakar, 1998).

Dalam dunia tanpa sempadan ini, pendidikan dan latihan guru BM dijangka mengalami sedikit sebanyak perubahan sama ada dari segi kurikulum latihan atau falsafah guru itu sendiri. Dijangkakan bahawa pendidikan dan latihan guru BM akan berkembang selaras dengan perkembangan sistem pendidikan negara yang bersandarkan tiga nilai asas utama, iaitu:

- (i) Nilai-nilai yang berkaitan dengan keperluan dan perkembangan diri individu serta nilai-nilai yang berkaitan dengan perkembangan anggota-anggota dalam masyarakat.
- (ii) Nilai-nilai yang berkaitan dengan ilmu dan cabang ilmu.
- (iii) Nilai-nilai yang berkaitan dengan teknik, iaitu berhubung kait dengan proses, kemahiran dan kecekapan yang hendak dikuasai.

(Robiah, 1994)

Dalam pada itu, kurikulum pendidikan dan latihan guru BM juga menjadi lebih rencam memandangkan garis panduan dan hala tuju pendidikan itu perlu mempunyai ciri-ciri kekuatan untuk melepasi sembilan cabaran Wawasan 2020. Bagi mencapai semua cabaran tersebut dalam konteks pendidikan dan latihan guru BM, Kementerian Pendidikan telah melakukan beberapa reformasi dalam pendidikan yang bertujuan menentukan hala tuju pendidikan itu sejajar dengan hasrat negara untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan. Oleh demikian, sistem pendidikan kebangsaan yang berpengantar BM diharapkan akan dapat memenuhi keperluan-keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh negara. Dalam usaha

untuk mencapai tujuan tersebut, sistem pendidikan kebangsaan haruslah memainkan dua peranan, iaitu:

- (i) Menyediakan tenaga kerja terlatih dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menjayakan pembangunan dan kemajuan negara.
- (ii) Mengembangkan potensi individu supaya menjadi insan baik yang berilmu, berkemahiran tinggi dan mempunyai nilai-nilai positif berasaskan agama dan moral.

(Juriah, 1997)

Pendidikan dan latihan guru-guru BM juga tidak ketinggalan dalam menghadapi reformasi pendidikan terutamanya dalam konteks pendidikan dan latihan BM pada abad ke-21. Keperluan ini telah ditegaskan oleh Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 dengan menyatakan bahawa Malaysia mempunyai salah satu sistem pendidikan terbaik di dunia ketiga. Namun, sebagai bekal kita mengharungi perjalanan pada generasi yang kedua ini, piawaian yang baru hendaklah ditetapkan dan matlamat baru hendaklah dicapai. Demi memenuhi aspirasi negara maju, konsep pendidikan abad ke-21 telah dirangka dan dikemukakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1996). Antara lain Kurikulum Abad ke-21 mengandungi:

- (i) Kurikulum bersifat dinamik, futuristik dan fleksibel dengan kandungan.
- (ii) Fokus kurikulum itu dirancang supaya relevan dengan suasana pengajaran-pembelajaran.
- (iii) Memenuhi matlamat pembangunan dan kemajuan negara.
- (iv) Pelajar berkemampuan menangani cabaran yang dibawa oleh arus globalisasi ledakan ilmu dan maklumat.
- (v) Pelajar berkebolehan untuk merancang masa depan.
- (vi) Pelajar berkemampuan untuk membuat pilihan bijak dan tetap sesuai dengan budaya dan nilai semasa.

Ciri-ciri dan teknik pengajaran dan pembelajaran juga diberi penekanan dalam kurikulum abad ke-21 termasuk dalam kurikulum BM (Juriah, 1997). Penekanan ilmu pengetahuan, kemahiran, teknik pengajaran dan pembelajaran sehinggalah kepada penguasaan teknologi maklumat penting dikuasai oleh setiap guru bahasa. Kesemua faktor ini banyak dijelmakan dalam pendidikan Sekolah Bestari. Maka, sudah tentu setiap guru BM sudah menguasai dan memperoleh

sebanyak mungkin kemahiran dan latihan dalam pendidikan BM.

Dalam pada itu, pendidikan dan latihan guru (termasuk guru BM) sama ada program-program opsyen sekolah menengah atau sekolah rendah perlu berasaskan kepada empat premis (Mohd. Majid, 1997), iaitu:

- (i) Pendidikan dan latihan keguruan perlu mengambil kira cadangan pengetahuan teknikal bagi pengajaran berkesan yang berkaitan dengan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran, pedagogi am, kurikulum, pedagogi kandungan, pelajar dan ciri-cirinya, konteks pendidikan dan matlamat pendidikan.
- (ii) Pelbagai pandangan tentang amalan pengajaran yang baik seperti pandangan guru dan amalan bilik darjah haruslah diambil kira dalam pendidikan dan latihan keguruan.
- (iii) Pendidikan dan latihan keguruan perlu lebih responsif terhadap keperluan masyarakat dan individu.
- (iv) Perlu dianggap sebagai satu proses pembelajaran yang berterusan dengan mengambil fakta bahawa guru mempunyai kemahuan dan keutamaan yang berbeza pada pelbagai tahap yang berlainan dalam kerjayanya.

Razali (1992) telah melihat cabaran pendidikan guru (termasuk guru BM) daripada perspektif CIPP (*context, input, process and product*). Cabaran "*context*" merujuk kepada suatu usaha untuk mengubah sistem pendidikan yang ada kepada acuan sendiri, sesuai dengan budaya dan nilai masyarakat Malaysia. Cabaran "*input*" merujuk kepada segala sumber idea, material dan manusia yang sedia ada sebagai bahan mentah untuk merealisasikan hasrat pendidikan guru alaf baru. Cabaran "*process*" pula melihat bagaimana input yang ada di institusi perguruan dimanfaatkan melalui sistem pemerosesan yang teratur dan tepat agar dapat diperolehi hasilnya. Dari segi "*product*" pula, diharapkan institusi pendidikan dan latihan guru ini berkemampuan untuk menghasilkan guru-guru yang terlatih dan menjanjikan mutu pengajaran yang berkualiti.

Kita tidak menafikan bahawa institusi pendidikan dan latihan perguruan telah melahirkan ramai pendidik khususnya pendidik mata pelajaran BM. Ini menunjukkan bahawa pendidikan dan latihan guru banyak melahirkan guru-guru BM yang mampu mengharungi cabaran globalisasi pendidikan. Bagi memastikan keutuhannya, peranan guru BM perlu dipertingkatkan bukan sahaja dari segi kandungan pendidikan dan latihan yang diterima, tetapi juga penguasaan bahasa juga perlu diperkembangkan dan dipertingkatkan agar guru-guru BM dapat mencapai taraf keintelektualannya (Anwar, 1989). Malah,

cabaran yang dikira paling hebat dalam pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21 ini adalah bagaimana untuk menjelmakan sifat keilmuan bahasa tersebut dalam pelbagai bidang dan merentas bidang ilmu. Bukan sekadar mengkhususkan fungsi dan peranan bahasa dengan apa yang ada, tetapi perlu mengaitkan dengan ilmu-ilmu lain khususnya yang bersabit dengan idea besar dan benar dalam sejarah dan kehidupan manusia (Wan Mohd. Nor, 1991).

Pada alaf ini juga, pendidikan dan latihan guru BM menghadapi cabaran berat bagi meneruskan kesinambungan BM sebagai bahasa pengantar dalam urusan rasmi dan pendidikan. Masalah dan cabaran yang dialami dan akan dialami dalam pendidikan dan latihan BM perlu ditangani sewajarnya. Justeru, institusi pendidikan dan latihan guru BM perlu peka terhadap perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara terutamanya dari segi kandungan kurikulum pendidikan dan latihan guru BM itu sendiri. Perubahan yang berlaku akan memberi impak dan implikasi terhadap program pendidikan dan latihan guru BM.

Berdasarkan masalah dan cabaran pendidikan dan latihan guru BM pada alaf baru, ciri-ciri guru cemerlang yang perlu ada dalam program latihan dan pendidikan BM perlu dikenal pasti. Juriah (1997) berpendapat bahawa untuk melahirkan guru BM yang cemerlang dalam pendidikan dan latihan perguruan, dua aspek penting perlu diambil kira, iaitu:

- (i) Adakah program pendidikan dan latihan guru BM dapat menghasilkan guru yang berkualiti.
- (ii) Adakah kandungan dan proses pelaksanaan program pendidikan dan latihan guru BM relevan dan berkesan bagi mencapai matlamat yang diingini.

Justeru, program pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21 dirasakan perlu mempunyai beberapa ciri asas seperti yang dicadangkan oleh Juriah (1997), iaitu:

- (i) Berasaskan sekolah.
- (ii) Mengutamakan aktiviti penyelesaian masalah.
- (iii) Menggunakan teknologi canggih.
- (iv) Mengutamakan perkongsian hasil penyelidikan.
- (v) Membuka peluang untuk pengembangan profesionalisme.
- (vi) Berdasarkan kelayakan tertentu.
- (vii) Mempunyai tenaga pengajar yang berkelayakan dan pakar dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- (viii) Mempunyai kumpulan pengajar yang kritis.

- (ix) Bersikap terbuka terhadap perkembangan profesional.

Peningkatan profesionalisme guru BM hendaklah berdasarkan kepada matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Pendidikan BM KBSR dan KBSM. Justeru, sebarang usaha untuk meningkatkan profesionalisme guru BM tidak harus berfokus semata-mata kepada aspek operasional, tetapi perlu secara seimbangan dan bersepadu memberikan perhatian kepada kedua-dua aspek yang terangkum dalam konsep profesionalisme guru BM itu sendiri, iaitu penghayatan dan operasionalnya (Awang, 1996).

PERNYATAAN MASALAH

Guru-guru sebagai ejen perubahan perlu dilatih bagi menjayakan transformasi ini. Dalam satu program pendidikan dan latihan guru satu kurikulum yang sesuai dan mantap serta dapat memenuhi keperluan guru dan aspirasi negara perlu dibentuk bagi meningkatkan keterampilan guru terlatih agar dapat melaksanakan pengajaran-pembelajaran yang berkesan khususnya di Sekolah Bestari. Sekiranya Sekolah Bestari berbeza dengan sekolah biasa maka guru Sekolah Bestari pula mestilah berbeza dengan guru sekolah biasa (Rohani, 1999). Pada tahun 1998 Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membentuk satu Kurikulum Kursus dalam Perkhidmatan selama 14 minggu untuk guru-guru Sekolah Bestari. Walau bagaimanapun, tidak terdapat satu kurikulum pendidikan dan latihan yang khusus bagi melatih guru-guru BM untuk Sekolah Bestari. Justeru, satu penggubalan kurikulum yang menyeluruh dan mantap amat diperlukan bagi melatih guru-guru mata pelajaran tersebut di institusi pendidikan dan latihan guru khususnya guru-guru bahasa di Sekolah Bestari.

Setelah menyedari perubahan mutakhir dalam sistem pendidikan negara, sebagai langkah pertama dalam penggubalan kurikulum satu kajian analisis perlu dilaksanakan bagi mendapat input dalam mereka bentuk (*design*) kandungan kursus dan pedagogi kurikulum pendidikan guru BM pada abad ke-21. Matlamat utama projek penyelidikan ini adalah untuk membentuk dan menilai kurikulum pendidikan dan latihan guru BM untuk sekolah-sekolah khususnya Sekolah Bestari pada abad ke-21. Kurikulum ini dapat digunakan dalam program pendidikan dan latihan guru di fakulti pendidikan di universiti tempatan dan institusi pendidikan dan latihan guru yang lain.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan dalam program pendidikan guru BM di institusi pendidikan guru pada abad ke-21 dari pandangan pelajar, pensyarah, pendidik, dan guru khususnya tentang pengetahuan dan kemahiran asas mengajar tujuan program pendidikan guru, perkaedahan dan teknik serta penilaian program. Justeru, kajian ini dirancang bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

- (i) Menilai tahap pencapaian BM guru dan pelajar di sekolah menengah yang dikaji.
- (ii) Mengkaji kecekapan berbahasa yang perlu dikuasai oleh guru BM sekolah menengah bestari.
- (iii) Mengkaji persepsi guru pelatih, pensyarah bahasa, pakar bidang dan guru bahasa tentang keperluan bahasa yang perlu ada pada guru BM abad ke-21.
- (iv) Mengkaji persepsi guru pelatih, pensyarah bahasa, pakar bidang dan guru bahasa tentang keperluan kemahiran mengajar yang perlu ada pada guru BM abad ke-21.
- (v) Mengkaji peranan alat teknologi maklumat dan multimedia dalam pengajaran BM abad ke-21.
- (vi) Menilai amalan strategi pengajaran-pembelajaran BM berbantuan teknologi maklumat.
- (vii) Mengenal pasti bentuk dan struktur kurikulum yang sesuai dalam program pendidikan guru BM abad ke-21.
- (viii) Mengenal pasti strategi pengajaran-pembelajaran yang paling sesuai bagi membolehkan guru BM berfungsi dengan berkesan dalam pendidikan pada abad ke-21.
- (ix) Mengenal pasti bentuk penilaian yang sesuai bagi menilai program pendidikan guru BM di institusi pendidikan guru pada abad ke-21.

Soalan Kajian

Secara khusus kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian yang berikut:

- (i) Apakah tahap pencapaian BM guru dan pelajar di sekolah menengah yang dikaji.
- (ii) Apakah kecekapan berbahasa yang perlu dikuasai oleh guru BM di sekolah menengah.

- (iii) Apakah keperluan bahasa yang perlu ada pada guru BM abad ke-21 mengikut persepsi guru pelatih, pensyarah bahasa, pakar bidang dan guru bahasa?
- (iv) Apakah keperluan kemahiran mengajar yang perlu ada pada guru BM abad ke-21 mengikut persepsi guru pelatih, pensyarah bahasa, pakar bidang dan guru bahasa?
- (v) Sejauh manakah peranan alat teknologi maklumat dan multimedia dalam pengajaran BM pada abad ke-21?
- (vi) Sejauh manakah strategi pengajaran dan pembelajaran BM berbantuan teknologi maklumat diamalkan.
- (vii) Apakah bentuk dan struktur kurikulum yang sesuai untuk program pendidikan guru BM di abad ke-21?
- (viii) Apakah strategi pengajaran dan pembelajaran yang paling sesuai bagi membolehkan guru BM berfungsi dengan berkesan dalam pendidikan pada abad ke-21?
- (ix) Apakah bentuk penilaian yang sesuai bagi menilai program pendidikan guru BM di institusi pendidikan guru pada abad ke-21?

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat membantu Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan dan fakulti pendidikan di universiti tempatan merancang pendidikan dan latihan guru yang sesuai dengan keperluan guru BM pada abad ke-21. Di samping itu, laporan ini juga dapat memberi maklumat kepada institusi berkenaan tentang perkaedahan pengajaran dan penilaian yang berkesan bagi pengajaran-pembelajaran BM pada abad ke-21 khususnya bagi pengajaran-pembelajaran di sekolah-sekolah menengah bestari.

Kajian keperluan adalah langkah yang paling penting dalam pengubalan kurikulum. Ini akan dapat membantu penggubal kurikulum bagi mengenal pasti reka bentuk dan struktur kurikulum yang akan disediakan, unsur-unsur yang perlu dimasukkan sebagai kandungan kurikulum tersebut, dan juga pendekatan pengajaran yang harus digunakan yang merangkumi kaedah dan teknik pengajarannya.

Dalam konteks kajian ini, kajian tentang keperluan guru BM adalah penting kerana bidang pendidikan BM pada abad ke-21 akan menghadapi cabaran yang hebat ekoran globalisasi dan era teknologi maklumat. Tanpa kajian tentang keperluan guru-guru BM, pembaharuan dan peningkatan

dalam pendidikan dan latihan guru BM tidak akan dapat dibuat dengan berkesan.

Metodologi Kajian


Kajian ini berbentuk kajian analisis keperluan yang menggunakan tiga kaedah, soal selidik, temu bual dan teknik Delphi. Subjek kajian terdiri daripada pakar bidang, pendidik, guru bahasa, guru pelatih bahasa (di institusi pendidikan guru) dan guru-guru bahasa (di sekolah menengah bestari).

Kajian ini mempersoalkan pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21. Dalam pendidikan dan latihan guru, terdapat tiga model utama yang digunakan; model kraf, model sains terapan dan model elektif (Wallace, 1991).

Kajian ini berbentuk kajian analisis keperluan tentang kurikulum pendidikan dan latihan guru BM. Kajian akan dijalankan bagi menentukan keperluan pendidikan dan latihan guru yang ditakrifkan sebagai jurang antara keadaan semasa dan keadaan yang sepatutnya. Setelah keperluan ini dikenal pasti, kurikulum yang terdiri daripada sukatan pelajaran dan sukatan pedagogi pendidikan dan latihan guru bahasa akan digubal. Seterusnya, barulah kurikulum dapat dilaksanakan dan dinilai dari semasa ke semasa. Rajah 1 menggambarkan model kajian analisis keperluan ini dalam konteks penggubalan kurikulum.

Kajian analisis keperluan ini menggunakan kaedah triangulasi: temu bual, soal selidik dan teknik Delphi:

1. *Soal selidik*: Empat jenis soal selidik akan disediakan bagi kumpulan-kumpulan sampel guru pelatih, guru-guru bahasa, pakar-pakar bidang dan pendidik-pendidik guru.
2. *Temu bual*: Temu bual akan diadakan dengan guru-guru bahasa, pensyarah-pensyarah di institusi pendidikan guru bahasa dan guru-guru pelatih (bakal guru). Temu bual akan dijalankan dalam dua peringkat: “*exploratory*” bagi pembentukan soal selidik dan “*explanatory*” bagi mendapatkan data yang lebih terperinci selepas soal selidik dianalisis.
3. *Teknik Delphi*: Teknik ini digunakan di kalangan pakar bidang untuk memperincikan saranan dan dapatan dalam penggubalan kurikulum.



Rajah 1 Model Analisis Keperluan Pendidikan Guru Bahasa Melayu.

Teknik persampelan yang akan digunakan bagi soal selidik adalah persampelan berkelompok. Seramai 72 orang guru pelatih, 56 orang guru bahasa dan 47 orang pakar bidang bahasa dijadikan sampel kajian. Sampel guru BM akan diambil daripada lapan buah Sekolah Bestari di Selangor dan enam buah Sekolah Bestari di Negeri Sembilan seperti yang disenaraikan di bawah:

Jadual 1 Jumlah Sampel Guru BM Mengikut Sekolah (Sekolah Bestari).

Bil.	Nama dan alamat sekolah	Jumlah
Selangor		
1.	SMK (P) Sri Aman, Jalan 14/49, 46100 Petaling Jaya	10
2.	SMK Sg Besar, 45300 Sungar Besar Sabak Bernam	10
3.	SMK Bandar Baru Bangi, Jalan 1/7E, 43650 Bandar Baru Bangi	10
4.	SMK Kuala Kubu Baharu, J. Padang Tembak, 44000 Kuala Kubu Baharu	10
5.	SMK Telok Dato, 42700 Banting, Selangor	10
6.	Kolej Islam Sultan Alam Shah, 41906 Klang, Selangor	10
7.	SMA Persekutuan Kajang, Batu 13, Cheras, 43000 Kajang, Selangor	10
8.	SMK Sains Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor, Selangor	10
Negeri Sembilan		
9.	SMK Dato Sedia Raja, 71309 Rembau, Negeri Sembilan	10
10.	SMK Bandar Baru Serting, 72120 Bahau, Negeri Sembilan	10
11.	SMA Persekutuan Labu, KM 11, J. Labu, 71900 Seremban, Negeri Sembilan	10
12.	Kolej Tunku Kurshiah, J. Tn. Kurshiah, 70400 Seremban, N. Sembilan	10
13.	Sekolah Datu Abdul Razak, J. Sekamat, 70400 Seremban, N. Sembilan	10
14.	SM Sains Tuanku Jaafar, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan	10
Jumlah		140

Sampel guru pelatih, pendidik dan pakar bidang bahasa diambil daripada institusi pendidikan guru di Selangor, Wilayah Persekutuan, dan Negeri Sembilan. Taburan sampel guru pelatih, pendidik guru dan pakar bidang adalah seperti berikut:

Jadual 2 Taburan Sampel Guru BM di Institusi Pendidikan Guru.

Institusi	Pendidik	Guru-guru	Pakar pelatih	Jumlah bidang
Maktab Perguruan				
1. Maktab Perguruan Islam. Jalan Sungai Merab.	60	120	30	210
2. Maktab Perguruan Teknik,				
3. Maktab Perguruan Ilmu Khas.				
4. Maktab Perguruan. Institusi Pendidikan BM.				
5. Maktab Perguruan Raja Melewar.				
Universiti				
1. Universiti Malaya.	20	60	30	110
2. Universiti Kebangsaan Malaysia.				
3. Universiti Putra Malaysia.				
Jumlah Besar	80	180	60	320

Data yang diperolehi daripada kajian ini akan diproses dengan menggunakan program SPSS Windows 9.5. Data akan dianalisis secara statistik deskriptif yang menggunakan frekuensi dan peratus. Statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan latar belakang sampel kajian seperti jantina, bangsa, bidang pengkhususan, dan nama Sekolah Bestari. Frekuensi dan peratus juga digunakan untuk menganalisis maklum balas responden kajian terhadap aspek pengajaran dan pembelajaran BM di Sekolah Bestari yang dikaji.

Dapatan Kajian

Bab ini akan menganalisis data kajian untuk mencari jawapan kepada latar belakang responden dan sembilan soalan kajian.

(a) Latar Belakang Responden Kajian

Daripada Jadual 3 ternyata jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 175 orang bagi ketiga-tiga jenis guru BM. Responden perempuan mengatasi responden lelaki bagi semua kategori, iaitu 133

Jadual 3 Kumpulan Responden Kajian.

Profil responden	Guru pelatih		Guru BM		Pakar bidang bahasa		Jumlah besar
	n	%	n	%	n	%	
Jantina:							
• Lelaki	5	6.9	16	28.6	21	44.7	42 (24.0%)
• Perempuan	67	93.1	40	71.4	26	55.3	133 (76.0%)
Kaum:							
• Melayu	60	83.3	55	98.2	45	95.7	160 (91.4%)
• Cina	1	1.5	1	1.8	1	2.1	3 (1.7%)
• India	2	2.7	–	–	1	2.1	3 (1.7%)
	9	12.5	–	–	–	–	9 (5.1%)
• Lain-lain							
Taraf pendidikan akademik tertinggi							
• STPM	35	48.6	–	–	–	–	35 (48.6%)
• Dip./ Sijil Perguruan	4	5.6	3	5.4	–	–	7 (4.0%)
• Sarjana Muda	33	45.8	–	–	–	–	33 (45.8%)
• Sarj. Muda Pendidikan	–	–	14	25.0	16	34.0	30 (17.1%)
• Sarj. Muda & Dip. Pend.	–	–	34	60.7	–	–	34 (60.7%)
• Sarjana Pendidikan	–	–	5	5.9	24	51.1	29 (16.6%)
• Doktor Falsafah	–	–	–	–	4	8.5	4 (8.5%)
Kelulusan tertinggi BM							
• SPM/SPVM	4	5.6	1	1.8	2	4.3	7 (4.0%)
• STPM/HSC	63	91.7	43	76.8	15	31.9	121 (69.1%)
• Universiti	–	–	12	21.4	29	61.7	41 (23.4%)
• Lain-lain	5	1.4	–	–	1	2.1	6 (3.4%)

orang perempuan (76.0%) dan 42 orang lelaki (24.0%). Majoriti guru pelatih, guru BM dan pakar bidang ialah orang Melayu, iaitu seramai 160 orang (91.4%). Seramai sembilan orang (5.1%) responden terdiri daripada bumiputera bukan Islam/Melayu, diikuti kaum Cina dan India seramai tiga orang (1.7%) bagi setiap kategori guru.

Bagi guru pelatih BM, majoriti mereka mempunyai kelulusan akademik tertinggi di peringkat STPM (48.6%) dan Sarjana Muda (45.8%). Bagi guru BM pula, majoriti mereka mempunyai kelulusan Sarjana Muda

dan Diploma Pendidikan (60.7%) dan Sarjana Muda Pendidikan (25.0%). Kebanyakan pakar bidang bahasa mempunyai kelulusan Sarjana Pendidikan, iaitu seramai 24 orang (51.1%) dan Sarjana Muda Pendidikan seramai 16 orang (34.0%). Hanya sedikit sahaja pakar bidang bahasa yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah, iaitu seramai empat orang (8.5%).

Bagi kelulusan tertinggi dalam mata pelajaran BM, 63 orang guru pelatih (87.5%) mempunyai pencapaian BM di peringkat STPM. Untuk guru BM, 43 orang (76.8%) mempunyai kelulusan BM di peringkat STPM dan 12 orang (21.4%) mempunyai kelulusan BM di peringkat universiti. Kebanyakan pakar bidang bahasa pula mempunyai kelulusan tertinggi BM di peringkat universiti, iaitu seramai 29 orang (61.7%) dan STPM seramai 15 orang (31.9%).

(b) Matlamat Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 4 menunjukkan matlamat pendidikan dan latihan guru abad ke-21 dari persepsi guru pelatih, guru BM dan pakar bidang BM. Secara keseluruhan semua, guru pelatih B, guru BM dan pakar bidang bahasa bersetuju dengan ketiga-tiga matlamat pendidikan dan latihan guru pelatih pada abad ke-21. Peratus persetujuan mereka adalah antara 87.3 % – 93.1%.

Kesimpulannya, pakar bidang bahasa lebih menunjukkan kepentingan matlmat dan pendidikan guru BM pada abad ke-21.

Jadual 4 Matlamat Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa pada Abad ke-21 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Matlamat pendidikan dan latihan	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
a.	Membolehkan guru-guru pelatih merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa bestari.	Guru Pelatih	1.4	5.6	93.1
		Guru Bahasa	–	7.1	92.9
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
b.	Meningkatkan amalan profesionalisme guru-guru pelatih sebagai pemudah cara dan pencetus inovasi.	Guru Pelatih	1.4	9.7	88.9
		Guru Bahasa	1.8	3.6	94.7
		Pakar Bidang	–	6.4	93.6
c.	Mengoptimumkan proses pengajaran dengan berbantuan teknologi.	Guru Pelatih	–	12.5	87.5
		Guru Bahasa	–	12.7	87.3
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7

(c) Tujuan Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 5 menunjukkan persepsi guru pelatih, guru BM dan pakar bidang bahasa terhadap tujuan pendidikan dan latihan guru pelatih pada abad ke-21. Pada keseluruhan, guru-guru pelatih, guru BM dan pakar bidang bahasa bersetuju dengan kelima-lima tujuan yang dicadangkan iaitu; membolehkan guru pelatih merancang pengajaran dan pembelajaran bestari, mengurus pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajaran, meningkatkan penguasaan dan keterampilan berbahasa, membolehkan guru-guru pelatih mengaplikasi dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran, dan mengurus bilik darjah yang dilengkapi dengan teknologi maklumat dan multimedia. Peratusan persetujuan mereka melebihi 90%. Bagaimanapun, pakar bidang bahasa didapati mempunyai peratusan terendah sebanyak 59.6% bagi tujuan pendidikan dan latihan guru BM hendaklah berpusatkan kepada pelajar ketika proses pengajaran-pembelajaran dijalankan.

Jadual 5 Tujuan Pendidikan dan Latihan Guru BM pada Abad ke-21 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Tujuan pendidikan dan latihan	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
a.	Membolehkan guru-guru pelatih merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa bestari.	Guru Pelatih	2.8	9.7	87.5
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	4.3	2.1	93.6
b.	Mengurus pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar.	Guru Pelatih	–	12.5	87.5
		Guru Bahasa	1.8	1.8	94.4
		Pakar Bidang	–	40.4	59.6
c.	Meningkatkan penguasaan dan keterampilan berbahasa.	Guru Pelatih	1.4	8.3	90.3
		Guru Bahasa	–	3.6	94.6
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
d.	Membolehkan guru-guru pelatih mengaplikasi dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.	Guru Pelatih	–	9.7	90.3
		Guru Bahasa	3.6	1.8	94.6
		Pakar Bidang	4.3	4.3	92.4
e.	Mengurus bilik darjah yang dilengkapi dengan teknologi maklumat dan multimedia.	Guru Pelatih	–	33.3	66.7
		Guru Bahasa	3.6	5.4	91.0
		Pakar Bidang	2.3	6.4	91.3

Kesimpulannya, semua guru pelatih, guru BM, dan pakar bidang bahasa memahami tujuan pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21.

(d) Kecekapan Berbahasa yang Perlu Ada pada Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 6 menunjukkan persepsi tiga kumpulan responden, iaitu guru pelatih, guru dan pakar bidang BM terhadap kecekapan berbahasa yang perlu ada pada guru-guru BM di abad ke-21. Pada keseluruhan, ketiga guru-guru pelatih, guru dan pakar bidang BM bersetuju dengan aspek-aspek kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan pensyarah, rakan sebaya, dan masyarakat yang tersenarai dalam Jadual 5. Peratusan persetujuan ketiga-tiga kumpulan responden ini adalah selari, iaitu melebihi 70% kecuali persetujuan guru pelatih terhadap item menulis dan menjawab surat rasmi, tidak rasmi dan aduan dalam akhbar (69.4%).

Namun demikian, guru pelatih, guru bahasa dan pakar bidang BM bersetuju bahawa kecekapan berbahasa yang lain seperti berkomunikasi dengan pensyarah secara lisan dan penulisan, berkomunikasi untuk tujuan pembelajaran, berhujah, berbincang dan sebagainya perlu ada dalam pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21.

Jadual 6 Kecekapan Berbahasa yang Perlu Ada pada Guru BM pada Abad ke-21 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM, dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Kecekapan berbahasa	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
a.	Berkomunikasi dengan pensyarah:	Guru Pelatih	1.4	4.2	94.4
	i. Secara lisan.	Guru Bahasa	1.8	5.4	92.8
		Pakar Bidang	–	8.5	91.5
	ii. Secara penulisan.	Guru Pelatih	6.9	18.1	75.0
		Guru Bahasa	3.6	1.8	94.6
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
b.	Berkomunikasi dengan rakan sebaya:				
	i. Untuk tujuan sosial.	Guru Pelatih	–	16.7	83.3
		Guru Bahasa	–	14.3	85.8
		Pakar Bidang	–	12.8	87.2
	ii. Untuk tujuan pembelajaran.	Guru Pelatih	–	4.2	95.8
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9

Sambungan Jadual 6

Bil.	Kecekapan berbahasa	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
c. Berkomunikasi dengan masyarakat:					
i.	Untuk tujuan sosial.	Guru Pelatih	4.2	11.1	84.7
		Guru Bahasa	1.8	10.7	87.5
		Pakar Bidang	–	17.0	83.0
ii.	Untuk mendapat maklumat.	Guru Pelatih	–	11.1	88.9
		Guru Bahasa	1.7	1.8	96.4
		Pakar Bidang	–	6.4	93.6
d.	Berhujah dan membidas tentang isu-isu semasa.	Guru Pelatih	4.2	9.7	86.1
		Guru Bahasa	1.8	7.1	91.1
		Pakar Bidang	–	6.4	93.6
e.	Berpidato, berdebat, berwawancara dan berforum.	Guru Pelatih	2.8	13.9	83.3
		Guru Bahasa	1.8	3.6	94.6
		Pakar Bidang	–	6.4	93.6
f.	Berbincang dan mengulas tentang pelbagai hal.	Guru Pelatih	–	8.3	91.7
		Guru Bahasa	1.8	1.8	96.4
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
g.	Menyoal dengan menggunakan pelbagai aras soalan.	Guru Pelatih	–	18.1	81.9
		Guru Bahasa	1.8	3.6	94.6
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
h.	Menerima, memahami serta memberi arahan, panduan dan tatacara kerja.	Guru Pelatih	–	12.5	87.5
		Guru Bahasa	–	4.3	85.7
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
i.	Menyatakan dan menghuraikan ilmu pengetahuan dan pendapat.	Guru Pelatih	–	12.5	87.5
		Guru Bahasa	–	7.1	92.9
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
j.	Membaca, memahami dan merumus teks.	Guru Pelatih	2.8	12.5	84.7
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
k.	Menganalisis dan mentafsir maklumat.	Guru Pelatih	–	8.3	91.7
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
l.	Membaca dan menaakul pelbagai bahan.	Guru Pelatih	–	8.3	91.6
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7

Sambungan Jadual 6

Bil.	Kecekapan berbahasa	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
m.	Membina ayat-ayat yang gramatis dan mempunyai kepekaan terhadap kesalahan sistem tatabahasa.	Guru Pelatih	1.4	5.6	93.0
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
n.	Menulis dan menjawab surat rasmi, tidak rasmi dan aduan dalam akhbar di dalam BM.	Guru Pelatih	2.8	27.8	69.4
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	6.4	93.6
o.	Menghasilkan pelbagai jenis karangan (berformat dan tidak berformat) di dalam BM.	Guru Pelatih	4.2	22.2	73.6
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
p.	Menyunting dan menilai pelbagai jenis bahan penulisan.	Guru Pelatih	–	19.4	80.6
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	6.4	93.6

(e) Kemahiran Mengajar Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 7 menunjukkan persepsi guru-guru pelatih, guru BM dan pakar bidang bahasa terhadap kemahiran mengajar yang perlu ada pada guru-guru pada abad ke-21. Pada umum, ketiga-tiga kumpulan responden kajian bersetuju dengan senarai kemahiran mengajar yang dikemukakan dalam Jadual 7. Peratus persetujuan mereka melebihi 75%. Seseengah kemahiran dipersetujui seratus peratus oleh responden kajian. Antara kemahiran mengajar yang disokong 100% oleh pakar bidang bahasa kepada kemahiran menjelaskan konsep, mengajar mengikut tahap kebolehan pelajar, mempelbagai bahan bantu mengajar, menggunakan perisian pengajaran.

Tegasnya, ketiga-tiga kumpulan responden bersetuju dengan kemahiran mengajar yang disenaraikan dalam kajian ini. Peratus persetujuan yang tertinggi adalah terhadap kemahiran pengajaran bestari dan kemahiran menerapkan nilai dan kemahiran berfikir serta kemahiran untuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan kata lain, kesemua guru bersetuju bahawa kesemua kemahiran mengajar yang dicadangkan perlu ada dalam kurikulum pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21.

Jadual 7 Kemahiran Mengajar yang Perlu Ada pada Guru BM pada Abad ke-2 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM, dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Kecekapan mengajar	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
a.	Menjelaskan konsep.	Guru Pelatih	1.4	5.6	93.0
		Guru Bahasa	1.8	7.1	91.1
		Pakar Bidang	–	–	100.
b.	Mengajar mengikut tahap kebolehan pelajar.	Guru Pelatih	2.8	9.7	87.5
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	–	100.
c.	Mempelbagai kaedah pengajaran.	Guru Pelatih	–	4.2	95.8
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
d.	Melaksanakan pengukuhan pembelajaran.	Guru Pelatih	–	9.7	90.3
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
e.	Melaksanakan aktiviti pemulihan dan pengayaan.	Guru Pelatih	–	9.7	90.3
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
f.	Menyampaikan isi pelajaran secara berkesan.	Guru Pelatih	1.4	4.2	94.4
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	–	–
g.	Menggunakan teknologi secara bestari.	Guru Pelatih	1.4	15.3	83.3
		Guru Bahasa	1.8	5.4	92.8
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
h.	Mempelbagai bahan bantu mengajar.	Guru Pelatih	–	2.8	97.2
		Guru Bahasa	1.8	2.8	89.5
		Pakar Bidang	–	–	100
i.	Menggunakan perisian pengajaran.	Guru Pelatih	–	25.0	75.0
		Guru Bahasa	1.8	10.7	87.5
		Pakar Bidang	–	–	100.
j.	Menyediakan pakej/modul pembelajaran.	Guru Pelatih	1.4	16.6	82.0
		Guru Bahasa	–	1.8	98.2
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
k.	Meningkatkan penglibatan pelajar.	Guru Pelatih	–	2.8	97.2
		Guru Bahasa	–	1.8	98.2
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
l.	Menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran.	Guru Pelatih	–	–	100
		Guru Bahasa	–	1.8	98.2
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9

Sambungan Jadual 7

Bil.	Kecekapan mengajar	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
m.	Menerapkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK).	Guru Pelatih	–	4.2	95.8
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
n.	Melaksanakan kemahiran menaksir dan menilai pelajaran.	Guru Pelatih	–	13.9	86.1
		Guru Bahasa	1.8	7.1	91.1
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9

(f) Peranan Teknologi Maklumat dan Multimedia dalam Program Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 8 menunjukkan persepsi guru pelatih, guru, dan pakar bidang BM tentang peranan teknologi dan multimedia dalam pendidikan dan latihan guru pada abad ke-21. Umumnya, ketiga-tiga kumpulan responden bersetuju bahawa teknologi maklumat dan multimedia mempunyai peranan yang penting dalam pendidikan dan latihan guru pada abad ke-21. Peratus persetujuan mereka tinggi (lebih daripada 80%). Antara ketiga-tiga kumpulan responden, peratus persetujuan pakar bidang bahasa lebih tinggi berbanding guru pelatih dan guru BM akan kepentingan teknologi maklumat dalam pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21.

Jadual 8 Peranan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan dan Latihan Guru BM pada Abad ke-21 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Peranan teknologi	Kategori	Skala		
			TP (%)	AP (%)	P (%)
a.	Peranan teknologi maklumat dan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran BM pada abad ke-21.	Guru Pelatih	2.8	6.9	90.3
		Guru Bahasa	1.8	7.1	91.1
		Pakar Bidang	4.3	4.3	91.4

(g) Amalan Pengajaran-Pembelajaran Berbantuan Komputer di Kalangan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 9 menunjukkan persepsi guru pelatih, guru BM, dan pakar bidang bahasa terhadap amalan pengajaran berbantuan komputer di kalangan guru BM pada abad ke-21. Ketiga-tiga kumpulan responden ini sependapat bahawa guru-guru BM tidak pernah menggunakan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer. Sebanyak 61.1% guru pelatih menyatakan bahawa guru bahasa mereka tidak pernah menggunakan komputer sebagai bahan bantu mengajar. Dari keperluannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM, pakar bidang bahasa menunjukkan kadar peratusan yang tinggi, iaitu 51.1% akan kepentingan penggunaan komputer dan multimedia sebagai bahan bantu mengajar dalam pendidikan BM pada abad ke-21.

Tegasnya, ketiga-tiga kumpulan responden sependapat bahawa guru BM jarang mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer dan multimedia.

Jadual 9 Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer di Kalangan Guru Pelatih, Guru BM dan Pakar Bidang Bahasa pada Abad ke-21.

Bil.	Amalan pengajaran-pembelajaran	Kategori	Skala		
			TP (%)	AP (%)	P (%)
a.	Amalan pengajaran berbantuan komputer dan multimedia dalam pengajaran-pembelajaran BM pada abad ke-21.	Guru Pelatih	61.1	23.6	15.3
		Guru Bahasa	34.0	44.6	21.5
		Pakar Bidang	21.3	51.1	27.6

(h) Strategi Pengajaran-Pembelajaran bagi Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 10 menunjukkan persepsi guru pelatih, guru BM dan pakar bidang bahasa tentang strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dalam pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21. Daripada jadual tersebut ternyata bahawa guru pelatih, guru, dan pakar bidang BM bersetuju dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan. Namun demikian, peratus persetujuan seratus peratus di kalangan guru dan pakar bidang BM adalah terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang mutakhir seperti

strategi penyelesaian masalah, pembelajaran kooperatif, mencari maklumat melalui internet, penggabungjalinan kemahiran bahasa dengan kemahiran berfikir dan belajar, pengajaran melalui pelbagai kaedah, pembelajaran melalui pelbagai kecerdasan, pembelajaran melalui teknologi maklumat, dan multimedia. Guru pelatih BM menunjukkan peratusan setuju yang paling rendah bagi kebanyakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan. Ini dapat dilihat pada strategi menghafal dan mengingat, mendengar kuliah dan mengambil nota.

Peratus persetujuan terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang konvensional di kalangan tiga kumpulan responden lebih rendah. Ini termasuklah strategi pengajaran dan pembelajaran menghafal dan mengingat guru pelatih BM ialah 36.0% sahaja. serta strategi mendengar kuliah dan mengambil nota bagi guru pelatih BM 56.0%, dan guru BM 66.0%.

Tegasnya, guru pelatih, guru dan pakar bidang BM dalam kajian sependapat bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai dalam pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21 adalah strategi pengajaran dan pembelajaran yang mutakhir yang menggalakkan pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran serta menggabungjalinkan kemahiran bahasa dengan kemahiran berfikir.

Jadual 10 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Pendidikan dan Latihan Guru BM pada Abad ke-21 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM, dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Strategi pengajaran-pembelajaran	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
a.	Menghafal dan mengingat.	Guru Pelatih	25.8	36.1	36.1
		Guru Bahasa	17.9	26.8	55.4
		Pakar Bidang	8.5	29.8	61.7
b.	Mendengar kuliah dan mengambil nota.	Guru Pelatih	9.7	33.3	56.9
		Guru Bahasa	9.0	25.0	66.0
		Pakar Bidang	6.4	19.1	74.5
c.	Belajar secara koperatif dan kolaboratif dalam kumpulan kecil.	Guru Pelatih	8.3	51.4	40.3
		Guru Bahasa	1.8	7.1	91.1
		Pakar Bidang	2.1	2.1	95.8
d.	Penemuan berpandu/ penyelesaian masalah.	Guru Pelatih	–	8.3	91.7
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7

Sambungan Jadual 10

Bil.	Strategi pengajaran-pembelajaran	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
e.	Mencari maklumat melalui bacaan buku rujukan.	Guru Pelatih	–	11.1	88.9
		Guru Bahasa	1.8	5.4	92.8
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
f.	Mencari maklumat melalui internet.	Guru Pelatih	2.8	13.9	83.4
		Guru Bahasa	1.8	5.4	92.8
		Pakar Bidang	–	6.4	93.6
g.	Penggabungjalinan kemahiran bahasa dengan kemahiran berfikir dan belajar.	Guru Pelatih	1.4	1.4	97.2
		Guru Bahasa	–	1.8	98.2
		Pakar Bidang	2.1	8.5	89.4
h.	Penyerapan ilmu, nilai, dan unsur sastera melalui bahasa.	Guru Pelatih	–	13.9	86.9
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	2.1	2.1	95.7
i.	Pemerhatian dan kajian kes.	Guru Pelatih	1.4	22.2	76.4
		Guru Bahasa	–	16.1	83.9
		Pakar Bidang	2.1	8.5	89.4
j.	Pembelajaran melalui pakej dan modul pembelajaran.	Guru Pelatih	1.4	23.6	75.0
		Guru Bahasa	1.8	17.9	80.4
		Pakar Bidang	2.1	4.3	93.6
k.	Pengajaran melalui pelbagai kaedah.	Guru Pelatih	–	4.2	95.8
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	2.1	6.4	91.5
l.	Pembelajaran kemahiran pelbagai kecerdasan.	Guru Pelatih	–	12.5	87.5
		Guru Bahasa	–	1.8	98.2
		Pakar Bidang	2.1	–	97.9
m.	Pembelajaran melalui teknologi maklumat dan multimedia.	Guru Pelatih	–	13.9	86.1
		Guru Bahasa	1.8	7.2	91.0
		Pakar Bidang	2.1	2.1	95.8
n.	Pembelajaran melalui bahan perisian pengajaran.	Guru Pelatih	–	22.2	77.8
		Guru Bahasa	1.8	12.5	85.7
		Pakar Bidang	–	8.5	91.5

(i) Aktiviti Bahasa dalam Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 11 menunjukkan persetujuan guru pelatih, guru dan pakar bidang terhadap aktiviti-aktiviti pembelajaran bahasa yang sesuai dalam pendidikan

guru BM pada abad ke-21. Daripada jadual ini, ternyata bahawa guru pelatih, guru dan pakar bidang BM bersetuju dengan senarai aktiviti pembelajaran yang dikemukakan dalam kajian.

Namun demikian, peratus persetujuan kumpulan responden kajian bagi ketiga-tiga kategori responden berbeza antara aktiviti pembelajaran. Aktiviti pembelajaran yang mendapat persetujuan yang tinggi daripada guru pelatih, guru dan pakar bidang BM ialah aktiviti perbincangan, penyelesaian masalah, dan sumbang saran. Antara aktiviti pembelajaran yang mendapat peratus persetujuan yang rendah di kalangan ketiga-tiga kumpulan responden kajian ialah aktiviti mengambil nota, menghafal dialog/perbualan latih tubi, forum dan seminar BM, lawatan sambil belajar.

Tegasnya, walaupun ketiga-tiga kumpulan responden kajian bagi bidang BM persetujuan dengan semua senarai aktiviti yang dikemukakan dalam kajian, peratus persetujuan mereka berbeza antara aktiviti tersebut. Bagaimanapun, semua aktiviti yang dicadangkan itu masih sesuai dimasukkan dalam kurikulum pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21.

Jadual 11 Aktiviti Pembelajaran dalam Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM, dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil. Aktiviti pembelajaran	Kategori	Skala		
		TS (%)	AS (%)	S (%)
a. Permainan bahasa.	Guru Pelatih	2.8	22.2	75.0
	Guru Bahasa	–	8.6	91.4
	Pakar Bidang	4.3	4.3	91.4
b. Kajian kes.	Guru Pelatih	1.4	29.2	69.4
	Guru Bahasa	1.8	17.9	80.3
	Pakar Bidang	–	10.6	89.4
c. Mengambil nota.	Guru Pelatih	8.4	31.9	59.7
	Guru Bahasa	7.1	28.6	64.3
	Pakar Bidang	2.1	23.4	74.5
d. Menghafal dialog/perbualan.	Guru Pelatih	12.3	44.4	33.3
	Guru Bahasa	16.1	32.1	51.8
	Pakar Bidang	6.4	21.3	72.3
e. Main peranan/simulasi.	Guru Pelatih	4.2	19.4	76.4
	Guru Bahasa	–	3.6	96.4
	Pakar Bidang	–	6.4	93.6

Sambungan Jadual 11

Bil.	Aktiviti pembelajaran	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
f.	Lakonan.	Guru Pelatih	7.0	18.0	75.0
		Guru Bahasa	–	12.5	87.5
		Pakar Bidang	–	8.5	91.5
g.	Penyelesaian masalah.	Guru Pelatih	2.8	8.3	88.9
		Guru Bahasa	–	–	100
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
h.	Latih tubi.	Guru Pelatih	4.2	13.9	81.9
		Guru Bahasa	1.8	7.1	91.1
		Pakar Bidang	6.4	8.5	85.1
i.	Tutoran rakan sebaya.	Guru Pelatih	–	19.4	80.6
		Guru Bahasa	–	1.8	98.2
		Pakar Bidang	–	10.6	89.4
j.	Perbincangan.	Guru Pelatih	–	5.6	94.4
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
k.	Sumbang saran.	Guru Pelatih	2.8	9.7	87.5
		Guru Bahasa	–	3.6	96.4
		Pakar Bidang	–	4.3	95.7
l.	Seminar.	Guru Pelatih	4.2	23.6	72.2
		Guru Bahasa	–	19.6	80.4
		Pakar Bidang	–	21.3	68.7
m.	Forum.	Guru Pelatih	2.8	25.0	72.2
		Guru Bahasa	–	19.6	80.4
		Pakar Bidang	–	21.3	68.7
n.	Lawatan sambil belajar.	Guru Pelatih	–	20.8	79.2
		Guru Bahasa	–	23.2	76.8
		Pakar Bidang	–	25.5	74.5
o.	Kerja projek di Makmal Komputer dan Pusat Sumber.	Guru Pelatih	1.4	20.8	77.5
		Guru Bahasa	–	12.5	87.5
		Pakar Bidang	–	27.7	72.3

(j) Bentuk Penilaian bagi Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 12 menunjukkan persepsi guru pelatih, guru dan pakar bidang BM tentang bentuk penilaian dalam latihan dan pendidikan guru pada abad ke-

21. Daripada jadual ini ternyata bahawa semua kumpulan responden dalam kajian ini bersetuju dengan senarai bentuk penilaian yang dikemukakan dalam kajian dan peratus persetujuan mereka melebihi 75%. Umumnya, peratus persetujuan ketiga-tiga kumpulan responden terhadap penilaian bentuk formatif (khususnya di kalangan guru dan pakar bidang) lebih tinggi (melebihi 90%) berbanding dengan ujian bentuk sumatif. Ini termasuklah ujian melalui tugas dan pembentangan tutorial, penilaian melalui pengajaran mikro dan makro (pakar bidang sahaja), latihan mengajar, dan kertas projek tentang pemerhatian di sekolah (pakar bidang sahaja).

Tegasnya, kumpulan responden kajian sependapat bahawa penilaian formatif lebih sesuai untuk penilaian dan latihan guru BM pada abad ke-21 dan bentuk penilaian ini adalah terhadap aktiviti teori dan amalan yang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 12 Bentuk Penilaian bagi Pendidikan dan Latihan Guru BM pada Abad ke-2 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM, dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Aktiviti pembelajaran	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
a.	Menilai secara formatif (secara berterusan dalam pengajaran).	Guru Pelatih	4.2	6.9	88.9
		Guru Bahasa	3.4	5.4	91.2
		Pakar Bidang	2.1	–	97.9
b.	Menilai melalui tugas-tugas dan pembentangan dalam tutorial.	Guru Pelatih	1.4	16.7	81.9
		Guru Bahasa	–	8.9	91.1
		Pakar Bidang	2.1	–	97.9
c.	Menilai melalui pengajaran mikro dan makro.	Guru Pelatih	–	9.7	90.3
		Guru Bahasa	–	14.3	85.7
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
d.	Menilai melalui latihan mengajar.	Guru Pelatih	1.4	1.4	97.2
		Guru Bahasa	–	12.5	87.5
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
e.	Menilai melalui latihan ilmiah.	Guru Pelatih	2.8	12.5	84.7
		Guru Bahasa	1.8	16.1	82.1
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
f.	Menilai melalui kertas projek tentang.	Guru Pelatih	4.2	13.9	81.9
		Guru Bahasa	1.8	10.7	87.5
		Pakar Bidang	2.1	–	97.9
g.	Menilai secara sumatif (pada akhir pengajaran).	Guru Pelatih	3.6	15.3	81.9
		Guru Bahasa	3.6	8.9	87.5
		Pakar Bidang	2.1	6.4	91.5

(k) Bentuk dan Struktur Kurikulum Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 13 menunjukkan struktur kurikulum pendidikan dan latihan guru pada abad ke-21 mengikut persepsi guru pelatih, guru dan pakar bidang. Ketiga-tiga kumpulan responden sependapat bahawa kandungan struktur kurikulum pendidikan guru perlu mengandungi pengetahuan asas pendidikan. Pengetahuan asas bahasa dan sastera, kemahiran berbahasa, perkaedahan pengajaran bahasa, kemahiran generik dan gerak kerja kokurikulum. Ini bermakna bahawa ketiga-tiga kumpulan responden bersetuju bahawa pendidikan dan latihan perlu mengandungi ilmu yang sepadu dan melibatkan ilmu dan kemahiran daripada pelbagai disiplin dan kemahiran yang diperlukan dalam pendidikan semasa.

Jadual 13 Bentuk dan Struktur Kurikulum Pendidikan dan Latihan Guru BM pada Abad ke-21 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM, dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Aktiviti pembelajaran	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
a. Pengetahuan Asas Pendidikan					
i.	Asas pengajaran dan pembelajaran (psikologi dan sosiologi pendidikan).	Guru Pelatih	–	9.7	90.3
		Guru Bahasa	1.8	3.6	94.6
		Pakar Bidang	–	–	100.
ii.	Falsafah pendidikan dan sejarah pendidikan di Malaysia.	Guru Pelatih	1.4	15.3	83.3
		Guru Bahasa	1.8	12.5	85.7
		Pakar Bidang			
iii.	Pengukuran dan penilaian.	Guru Pelatih	1.4	13.9	84.7
		Guru Bahasa	–	10.7	89.3
		Pakar Bidang	–	–	100.
b. Pengetahuan Asas Bahasa dan Sastera					
i.	Linguistik deskriptif (fonologi, morfologi dan sintaksis).	Guru Pelatih	–	11.1	88.9
		Guru Bahasa	3.6	3.6	92.8
		Pakar Bidang	–	–	100.
ii.	Psikolinguistik.	Guru Pelatih	1.4	18.1	84.7
		Guru Bahasa	1.8	10.7	87.5
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
iii.	Sosiolinguistik.	Guru Pelatih	1.4	8.3	90.3
		Guru Bahasa			
		Pakar Bidang			

Sambungan Jadual 13

Bil. Aktiviti pembelajaran	Kategori	Skala		
		TS (%)	AS (%)	S (%)
iv. Kesusasteraan.	Guru Pelatih	1.4	18.1	80.6
	Guru Bahasa	-	10.7	89.3
	Pakar Bidang	-	2.1	97.9
c. Kemahiran Berbahasa				
i. Sistem bahasa (tatabahasa dan sistem ejaan).	Guru Pelatih	-	5.6	94.4
	Guru Bahasa			
	Pakar Bidang			
ii. Mendengar dan bertutur.	Guru Pelatih	-	9.7	90.3
	Guru Bahasa	-	1.8	98.2
	Pakar Bidang	-	-	100.
iii. Membaca.	Guru Pelatih	-	8.3	91.7
	Guru Bahasa	-	1.8	98.2
	Pakar Bidang			
iv. Menulis.	Guru Pelatih	1.4	11.1	87.5
	Guru Bahasa	-	1.8	98.2
	Pakar Bidang			
d. Perkaedahan Pengajaran Bahasa				
i. Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran bahasa.	Guru Pelatih	1.4	2.8	95.9
	Guru Bahasa	-	3.6	96.4
	Pakar Bidang	-	-	100.
ii. Pengurusan kelas bahasa.	Guru Pelatih	-	11.1	88.9
	Guru Bahasa	-	5.4	94.6
	Pakar Bidang			
iii. Pembinaan bahan pengajaran bahasa (bahan perisian, pakej pembelajaran).	Guru Pelatih	-	9.7	90.3
	Guru Bahasa	1.8	7.1	91.1
	Pakar Bidang	-	-	100.
iv. Ujian dan penilaian bahasa.	Guru Pelatih	-	8.3	91.7
	Guru Bahasa	-	3.6	96.4
	Pakar Bidang	-	-	100.
e. Kemahiran Generik				
i. Kemahiran mentaksir dan menilai.	Guru Pelatih	-	6.9	93.1
	Guru Bahasa	-	5.4	94.6
	Pakar Bidang	-	2.1	97.9
ii. Kemahiran berfikir serta kritis dan kreatif.	Guru Pelatih	-	6.9	93.1
	Guru Bahasa	-	1.8	98.2
	Pakar Bidang	-	2.1	97.9

Sambungan Jadual 13

Bil.	Aktiviti pembelajaran	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
iii.	Kemahiran teknologi maklumat.	Guru Pelatih	1.4	9.7	88.9
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
iv.	Kemahiran belajar.	Guru Pelatih	–	6.9	93.1
		Guru Bahasa	–	5.4	94.6
		Pakar Bidang	–	2.1	97.9
f.	Gerak Kerja Kokurikulum				
i.	Unit beruniform.	Guru Pelatih	1.4	19.4	79.2
		Guru Bahasa	1.8	19.6	78.6
		Pakar Bidang	2.1	14.9	83.0
ii.	Kelab dan persatuan.	Guru Pelatih	–	18.1	82.0
		Guru Bahasa	–	16.1	83.9
		Pakar Bidang	2.1	6.4	91.5
iii.	Sukan dan rekreasi.	Guru Pelatih	1.	19.	79.2
		Guru Bahasa	–	19.6	80.4
		Pakar Bidang	2.1	14.9	83.0

Peratus persetujuan ketiga-tiga kumpulan responden terhadap aspek-aspek ilmu dan kemahiran pendidikan dan latihan guru di atas di kalangan kumpulan responden daripada guru pelatih, guru dan pakar bidang BM lebih daripada 70.0% kecuali beberapa item dalam gerak kerja kokurikulum, iaitu unit beruniform, kelab dan persatuan. Sementara itu, beberapa item dalam beberapa aspek pendidikan dan latihan guru mendapat persetujuan 100% di kalangan responden kajian. Ini termasuklah aspek ilmu asas pengajaran dan pembelajaran, iaitu psikologi dan sosiologi pendidikan, falsafah dan sejarah pendidikan Malaysia, pengukuran dan penilaian di kalangan pakar bidang BM. Selain itu, kemahiran membaca dan menulis turut mendapat peratusan persetujuan yang tinggi di kalangan pakar bidang BM. Beberapa aspek perkaedahan pengajaran serta kemahiran generik juga mendapat persetujuan 100% generik juga mendapat persetujuan 100% daripada kumpulan responden guru dan pakar bidang BM.

Tegasnya, responden guru pelatih, guru dan pakar bidang BM berpendapat bahawa semua aspek yang tersenarai dalam jadual di atas penting. Namun demikian, peratus persetujuan yang tinggi dan padu adalah terhadap beberapa

aspek dalam kemahiran asas pendidikan, asas bahasa dan sastera, kemahiran berbahasa, perkaedahan pengajaran dan kemahiran generik.

(I) Cara Penyampaian Struktur Kurikulum Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu pada Abad ke-21

Jadual 14 menunjukkan persetujuan guru pelatih, guru dan pakar bidang BM terhadap cara dan penyampaian struktur kurikulum dalam pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21. Umumnya guru pelatih, guru dan pakar bidang BM bersetuju dengan cara penyampaian yang dikemukakan dalam kajian ini. Peratus persetujuan mereka melebihi 70.0%. Namun demikian, peratus penentuan mereka berbeza mengikut kumpulan responden dan kategori responden. Di kalangan kumpulan guru pelatih BM, pendapat mereka berbeza-beza. Contohnya, di kalangan guru pelatih BM, peratus persetujuan yang tinggi adalah terhadap cara penyampaian secara modular, dan mengikut subjek kursus berbanding guru dan pakar bidang BM.

Di kalangan guru dan pakar bidang BM, peratus persetujuan yang tinggi adalah terhadap cara mengikut subjek, imbalan antara teori dan amali. Peratus persetujuan yang tertinggi di kalangan pakar bidang BM adalah kepada penekanan seimbangan teori serta amali.

Tegasnya, guru pelatih, guru BM dan pakar bidang bahasa bersetuju dengan cara penyampaian yang dikemukakan dalam kajian ini

Jadual 14 Cara Penyampaian Struktur Kurikulum Pendidikan dan Latihan Guru BM pada Abad ke-21 Mengikut Persepsi Guru Pelatih, Guru BM, dan Pakar Bidang Bahasa.

Bil.	Cara penyampaian	Kategori	Skala		
			TS (%)	AS (%)	S (%)
a.	Secara modular.	Guru Pelatih	1.4	6.9	91.7
		Guru Bahasa	1.8	19.6	78.6
		Pakar Bidang	2.1	25.5	72.3
b.	Mengikut subjek-subjek kursus.	Guru Pelatih	–	4.2	95.8
		Guru Bahasa	3.6	14.3	82.1
		Pakar Bidang	2.1	14.9	83.0
c.	Secara 'interdisiplinary'	Guru Pelatih	4.2	23.6	72.2
		Guru Bahasa	1.8	17.9	86.3
		Pakar Bidang	2.1	19.1	78.8
d.	Penekanan seimbang antara teori dan amali.	Guru Pelatih	1.4	9.7	88.9
		Guru Bahasa	1.8	5.3	92.9
		Pakar Bidang	2.1	4.3	93.7

Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana guru pelatih, guru BM dan pakar bidang bahasa memahami matlamat pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21. Hasil penganalisaan data, beberapa dapatan kajian utama perlu diberi pertimbangan. Antara dapatan kajian yang utama dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan matlamat pendidikan dan latihan guru bahasa pada abad ke-21.
- (ii) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan tujuan pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21.
- (iii) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan kecekapan berbahasa yang perlu ada pada guru bahasa pada abad ke-21.
- (iv) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan kemahiran mengajar yang perlu ada pada guru bahasa dalam abad ke-21.
- (v) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan pentingnya peranan teknologi maklumat dalam pendidikan dan latihan guru bahasa dalam abad ke-21.
- (vi) Semua kategori responden guru BM bersetuju bahawa guru bahasa jarang menggunakan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer dalam amalan mereka sekarang.
- (vii) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan strategi pengajaran dan pembelajaran mutakhir dalam pendidikan dan latihan guru bahasa dalam abad ke-21 berbanding dengan yang konvensional.
- (viii) Persetujuan responden dengan aktiviti pembelajaran bagi pendidikan dan latihan guru bahasa dalam abad ke-21 yang disenaraikan adalah tinggi, walaupun berbeza mengikut kategori responden guru BM.
- (ix) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan bentuk penilaian dalam pendidikan dan latihan guru bahasa dalam abad ke-21 yang disenaraikan. Persetujuan responden lebih tinggi dengan penilaian formatif berbanding dengan penilaian sumatif.
- (x) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan bentuk dan struktur kurikulum pendidikan dan latihan guru bahasa dalam abad ke-21.
- (xi) Semua kategori responden guru BM bersetuju dengan cara penyampaian kurikulum pendidikan dan latihan guru bahasa dalam abad ke-21.

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Berdasarkan dapatan kajian yang disenaraikan di atas, suatu gambaran yang lebih jelas telah dapat diperoleh tentang kurikulum dan pedagogi pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21. Perbincangan, bersama implikasi dapatan kajian ini akan dibuat mengikut bahagian-bahagian berikut: matlamat dan tujuan pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21; kecekapan berbahasa yang perlu ada pada guru BM dalam abad ke-21; kemahiran mengajar yang perlu ada pada guru BM dalam abad ke-21; persepsi tentang teknologi maklumat dan multimedia dan amalan guru BM tentang pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer; strategi pengajaran dan pembelajaran bagi pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21; bentuk penilaian bagi pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21; dan bentuk dan struktur kurikulum pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21.

(a) Matlamat dan Tujuan Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21

Tiga matlamat pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21 yang diterima oleh responden adalah:

- (i) Membolehkan guru-guru pelatih BM merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa bestari.
- (ii) Meningkatkan amalan dan profesionalisme guru-guru pelatih BM sebagai pemudah cara dan pencetus inovasi.
- (iii) Mengoptimumkan proses pengajaran-pembelajaran berbantuan komputer.

Tujuan pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21 yang diterima oleh responden pula adalah:

- (i) Membolehkan guru-guru pelatih BM merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa bestari.
- (ii) Mengurus pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar.
- (iii) Meningkatkan penguasaan dan keterampilan berbahasa.
- (iv) Membolehkan guru-guru pelatih mengaplikasi dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran BM.
- (v) Mengurus bilik darjah yang dilengkapi dengan teknologi maklumat dan multimedia.

Walaupun terdapat tujuan (v) di atas kurang dipersetujui oleh guru pelatih BM, ini tidak mungkin dapat diketepikan kerana guru BM dalam abad ke-21 bukan sahaja perlu mengajar untuk zaman teknologi maklumat, tetapi juga menggunakan alat zaman teknologi maklumat untuk mengajar (Wan Zahid Mohd. Noordin dalam Ruslin Amir *et al.*, 2000). Responden tersebut juga memersetujui tujuan (iv), iaitu “*membolehkan guru-guru pelatih mengaplikasi dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran*”.

Matlamat dan tujuan yang telah dipersetujui oleh responden ini dianggap sebagai sesuai kerana setiap program pendidikan dan latihan guru BM perlu berusaha ke arah menghasilkan guru-guru yang mampu menggunakan pendekatan pengajaran yang disarankan serta menggunakan alat dan bahan bantu mengajar yang disediakan bagi mencapai objektif pengajaran bahasa yang ditetapkan (Bardos, 1995).

Dalam kurikulum sekolah bestari, guru bahasa (termasuk guru BM) disarankan agar menggunakan pendekatan konstruktivisme berpusatkan pelajar. Pengajaran guru bahasa bestari perlu membolehkan setiap individu pelajar mengembangkan potensi masing-masing melalui kurikulum yang luwes dan tidak terbatas. Dengan itu, kurikulum pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21 perlu mempunyai matlamat dan tujuan seperti di atas, bagi menghasilkan guru-guru yang mampu memenuhi hasrat dan objektif kurikulum bestari.

(b) Kecekapan Berbahasa yang Perlu Ada pada Guru Bahasa Melayu Abad ke-21

Guru BM dalam abad ke-21 akan memerlukan kesemua kecekapan berbahasa yang disenaraikan. Walaupun terdapat kurang persetujuan di kalangan responden daripada sesetengah kategori tentang beberapa item kecekapan berbahasa, persetujuan keseluruhan item-item tersebut masih tinggi. Bagi item-item yang mendapat persetujuan yang kurang itu boleh diberi penekanan dalam kurikulum pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21 seperti dalam aspek menulis dan menjawab surat rasmi, tidak rasmi dan aduan dalam akhbar.

(c) Kemahiran Mengajar yang Perlu Ada pada Guru bahasa Melayu Abad ke-21

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua kemahiran mengajar yang disenaraikan dipersetujui oleh responden. Kemahiran tersebut merang-

kumi semua bidang tugas guru yang membentuk amalan kurikulum bestari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Justeru, dapat disimpulkan bahawa pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21 perlu melatih guru bahasa kemahiran mengajar yang berikut:

- (i) Menjelaskan konsep.
- (ii) Mengajar mengikut tahap kebolehan pelajar.
- (iii) Mempelbagaikan kaedah pengajaran.
- (iv) Melaksanakan pengukuhan pembelajaran.
- (v) Melaksanakan aktiviti pemulihan dan pengayaan.
- (vi) Menyampaikan isi pengajaran secara berkesan.
- (vii) Menggunakan teknologi secara bestari.
- (viii) Mempelbagaikan bahan bantu mengajar.
- (ix) Menggunakan perisian pengajaran.
- (x) Menyediakan pakej/modul pembelajaran.
- (xi) Meningkatkan penglibatan pelajar.
- (xii) Menerapkan nilai-nilai murni dalam pembelajaran.
- (xiii) Menerapkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- (xiv) Melaksanakan kemahiran menaksir dan menilai pelajaran.

Kemahiran mengajar yang tersenarai di atas merupakan kemahiran-kemahiran yang membolehkan guru BM menyampaikan kurikulum dan mencapai objektif sekolah bestari.

“Pendekatan pengajaran mutakhir memerlukan guru yang mampu mempertimbangkan keperluan yang bercanggah dan megimbas semula amalan mereka sendiri. Kajian telah menunjukkan bahawa, untuk guru membimbing pelajaranya berfikir di tahap yang lebih tinggi, mereka juga perlu mendapat peluang membina kefahaman dan teori sendiri”.

(Novick, 1996b, diterjemah)

Joyce dan Calhoun (1995) pula menambah bahawa perkembangan guru yang berkesan di mana guru diberi peluang membincangkan dan berkongsi pengalaman di antara satu sama lain. Fullan (1993) dan Novick (1996a) berpendapat bahawa dengan hanya menyampaikan amalan terbaik kepada guru pelatih tidak memadai untuk menghasilkan guru yang mempunyai keyakinan tentang kecekapan dan matlamat sendiri atau komitmen yang amat penting bagi menyampaikan kurikulum bestari.

(d) Persepsi tentang Teknologi Maklumat dan Multimedia Serta Amalan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21

Dalam kajian ini, didapati bahawa teknologi maklumat dan multimedia dianggap memainkan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran BM. Namun, ini kurang diamalkan di dalam bilik darjah bagi pendidikan BM pada masa ini. Dapatan ini jelas menunjukkan perlunya kemahiran teknologi maklumat dan multimedia diberi penekanan yang lebih dalam kurikulum pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21 seperti yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Sekolah dan Bahagian Pendidikan Guru 1997).

Penggunaan teknologi maklumat dan multimedia akan lebih menyerlah dengan pendidikan dan latihan guru BM yang menyediakan mereka dengan kemahiran menggunakan alat zaman teknologi maklumat dan multimedia, serta kesedaran tentang objektif kurikulum bestari. Baharuddin *et al.*, (1999) mendapati bahawa kebanyakan guru kurang mengetahui tentang “*computer hardware*”, diikuti dengan penggunaan internet, “*computer software*”, penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan, dan seterusnya “*the Malaysian Multimedia Supercorridor*”.

(e) Strategi dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran bagi Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21

Strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi pendidikan dan latihan guru bahasa abad ke-21 penting kerana keberkesanannya akan menentukan mutu guru yang dihasilkan. Daripada kajian ini, responden lebih bersetuju dengan strategi dan aktiviti yang mutakhir berbanding dengan yang tradisional. Daripada dapatan kajian ini, didapati bahawa pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21 pada keseluruhannya perlu menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran mutakhir.

Walau bagaimanapun, permainan bahasa dan kajian kes tidak diterima sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk mendidik dan melatih guru-guru BM. Untuk kajian kes, mengambil nota dan menghafal dialog/perbualan tidak sesuai untuk mendidik dan melatih guru BM. Secara ringkas, strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai digunakan bagi pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21 adalah seperti berikut:

- (i) Permainan bahasa (kecuali guru BM).
- (ii) Kajian kes (kecuali untuk guru BM).

- (iii) Mengambil nota (kecuali sebagai aktiviti untuk guru BM).
- (iv) Menghafal dialog/perbualan (kecuali sebagai aktiviti untuk guru BM).
- (v) Main peranan/simulasi.
- (vi) Lakonan.
- (vii) Penyelesaian masalah.
- (viii) Latih tubi.
- (ix) Tutoran rakan sebaya.
- (x) Perbincangan.
- (xi) Sumbang saran.
- (xii) Seminar.
- (xiii) Forum.
- (xiv) Lawatan sambil belajar.
- (xv) Kerja projek di Makmal Komputer dan Pusat Sumber.

Dapatan yang menarik di sini ialah model pendidikan dan latihan guru secara kajian kes (Faridah Serajul Haq *et al.*, 2000) tidak diterima sebagai model yang sesuai bagi pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21. Sebaliknya, dapatan menunjukkan persetujuan responden dengan model pendidikan dan latihan guru reflektif (Wallace, 1991) yang mementingkan pengukuhan teori melalui refleksi ke atas amalan dan sebaliknya.

(f) Bentuk Penilaian bagi Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21

Penilaian merupakan komponen yang penting dalam setiap program pendidikan dan latihan guru. Dalam kajian ini, didapati bahawa semua bentuk penilaian yang dicadangkan telah diterima oleh responden. Dengan itu, bentuk dan ciri-ciri penilaian yang perlu digunakan di dalam program pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21 adalah seperti berikut:

- (i) Menilai secara formatif (secara berterusan dalam pengajaran).
- (ii) Menilai melalui tugas- tugas dan pembentangan dalam tutorial.
- (iii) Menilai melalui pengajaran mikro dan makro.
- (iv) Menilai melalui latihan mengajar.
- (v) Menilai melalui latihan ilmiah.
- (vi) Menilai melalui kertas projek tentang pemerhatian pengajaran di sekolah.
- (vii) Menilai secara sumatif (pada akhir pengajaran).

Dapatan tentang bentuk penilaian yang perlu digunakan dalam program pendidikan dan latihan guru BM nyata sekali selaras dengan dapatan tentang strategi dan aktiviti dalam pendidikan dan latihan guru BM yang dibincangkan di atas. Ini menunjukkan persetujuan responden dengan pendekatan model reflektif (Wallace, 1991) yang memberi tumpuan kepada penilaian tentang kefahaman teori dan kecekapan dalam amalan, serta juga gabungan kedua-duanya. Hanipah Hussin (1999) menyokong penggunaan model reflektif dalam pendidikan dan latihan guru di Malaysia kerana ini dapat membantu guru pelatih membuat refleksi terhadap amalan mereka ... boleh membawa kepada pembelajaran murid yang lebih berkesan.

(g) Bentuk dan Struktur Kurikulum Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21

Program pendidikan dan latihan guru mempunyai pelbagai bentuk dan struktur dan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman yang membawa kepada amalan dan pendekatan baru, serta keperluan guru di sekolah. Bentuk dan struktur program pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21 sudah tentunya perlu berasaskan matlamat dan tujuan sekolah bestari, serta menuju ke arah mencapai matlamat dan tujuan pendidikan dan latihan guru. Daripada dapatan kajian ini, unsur yang perlu ada dalam kurikulum pendidikan dan latihan guru BM dalam abad ke-21 dapat dibayangkan seperti berikut:

- (i) Pengetahuan asas pendidikan.
- (ii) Pengetahuan asas bahasa dan sastera.
- (iii) Kemahiran berbahasa.
- (iv) Perkaedahan pengajaran bahasa.
- (v) Kemahiran generik.
- (vi) Gerak kerja kokurikulum.

Walaupun kesemua unsur kurikulum yang disenaraikan di atas telah mendapat persetujuan majoriti responden, unsur gerak kerja kokurikulum telah mendapat persetujuan yang lebih kecil. Ini menunjukkan bahawa unsur ini perlu diberi pemberatan yang kurang berbanding unsur-unsur lain yang disenaraikan. Namun, ini tidak dapat ditinggalkan dalam penggubalan kurikulum pendidikan dan latihan guru kerana kita perlukan guru-guru yang seimbang dan harmonis, seperti mana kita harapkan guru-guru dapat membentuk murid-murid yang sedemikian (Hanipah Hussin, 1999).

CADANGAN UNTUK PEMBENTUKAN KURIKULUM PENDIDIKAN DAN LATIHAN GURU BAHASA PADA ABAD KE-21

Guru yang berkesan mempengaruhi pencapaian murid (Sanders & Rivers, 1996; Wright, Horn, & Sanders, 1997). Dengan itu, penggubalan kurikulum pendidikan dan latihan guru adalah penting kerana ini mempengaruhi kualiti guru yang dihasilkan nanti. Guru-guru yang berkesan adalah guru yang akan dapat mencapai matlamat dan tujuan kurikulum yang disampaikan. Dalam konteks guru-guru di Malaysia dalam abad ke-21 ini, guru-guru yang berkesan adalah guru-guru yang berjaya menghasilkan murid-murid bestari. Mohd. Majid Konting (1999) menyatakan bahawa perkataan bestari menurut *Kamus Besar Bahasa Melayu* membawa maksud berpengetahuan, berilmu, terpelajar, berpendidikan, berbudi pekerti yang baik, sempurna akal, pintar, cerdik, cerdas, dan pandai.

Untuk menghasilkan guru-guru BM yang akan dapat mencapai matlamat dan tujuan tersebut, kajian ini telah dapat menggariskan keperluan kurikulum pendidikan dan latihan guru dalam abad ke-21 seperti berikut:

- (i) Matlamat pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21 adalah seperti berikut:
 - Membolehkan guru-guru pelatih merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa bestari.
 - Meningkatkan amalan dan profesionalisme guru-guru pelatih sebagai pemudah cara dan pencetus inovasi.
 - Mengoptimumkan proses pengajaran berbantuan komputer.

- (ii) Tujuan pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21 adalah seperti berikut:
 - Membolehkan guru-guru pelatih merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa bestari.
 - Mengurus pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar.
 - Meningkatkan penguasaan dan keterampilan berbahasa.
 - Membolehkan guru-guru pelatih mengaplikasi dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.
 - Mengurus bilik darjah yang dilengkapi dengan teknologi maklumat dan multimedia.

- (iii) Kemahiran mengajar yang perlu ada pada guru BM abad ke-21 adalah seperti berikut:
- Menjelaskan konsep.
 - Mengajar mengikut tahap kebolehan pelajar.
 - Mempelbagaikan kaedah pengajaran.
 - Melaksanakan pengukuhan pembelajaran.
 - Melaksanakan aktiviti pemulihan dan pengayaan.
 - Menyampaikan isi pengajaran secara berkesan.
 - Menggunakan teknologi secara bestari.
 - Mempelbagaikan bahan bantu mengajar.
 - Menggunakan perisian pengajaran.
 - Menyediakan pakej/modul pembelajaran.
 - Meningkatkan penglibatan pelajar.
 - Menerapkan nilai-nilai murni dalam pembelajaran.
 - Menerapkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
 - Melaksanakan kemahiran menaksir dan menilai pelajaran.
- (iv) Strategi pengajaran dan pembelajaran bagi Program Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21
- Permainan bahasa (kecuali sebagai strategi bagi guru BM sahaja).
 - Kajian kes (sebagai strategi dan aktiviti untuk guru BM sahaja).
 - Mengambil nota (kecuali sebagai aktiviti untuk guru BM).
 - Menghafal dialog/perbualan (kecuali sebagai aktiviti untuk guru BM sahaja).
 - Main peranan/simulasi.
 - Lakonan.
 - Penyelesaian masalah.
 - Latih tubi.
 - Tutoran rakan sebaya.
 - Perbincangan.
 - Sumbang saran.
 - Seminar.
 - Forum.
 - Lawatan sambil belajar.
 - Kerja Projek di Makmal Komputer dan Pusat Sumber.
- (v) Bentuk penilaian bagi Program Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21

- Menilai secara formatif (secara berterusan dalam pengajaran).
 - Menilai melalui tugas-tugas dan pembentangan dalam tutorial.
 - Menilai melalui pengajaran mikro dan makro.
 - Menilai melalui latihan mengajar.
 - Menilai melalui latihan ilmiah.
 - Menilai melalui kertas projek tentang pemerhatian pengajaran di sekolah.
 - Menilai secara sumatif (pada akhir pengajaran).
- (vi) Bentuk dan struktur kurikulum bagi Program Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21
- Pengetahuan asas pendidikan.
 - Pengetahuan asas bahasa dan sastera.
 - Kemahiran berbahasa.
 - Perkaedahan pengajaran bahasa.
 - Kemahiran generik.
 - Gerak kerja kokurikulum.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa kajian ini telah dapat menggariskan kurikulum pendidikan dan latihan guru BM pada abad ke-21 melalui pandangan guru, guru pelatih dan pakar bidang bahasa. Penggunaan mereka sebagai responden dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan pengupayaan kepada guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun menjadi lumrah bahawa sekolah yang baik memerlukan guru yang cemerlang, guru-guru selalunya diketepikan daripada proses perancangan perubahan dan peluang perkembangan profesionalisme yang diperlukan untuk mengimplimentasikannya (Lieberman, 1995).

Sykes (1995) menyatakan bahawa guru-guru sering menjadi sasaran reformasi, tetapi mereka jarang dapat mengawal perkembangan profesionalisme sendiri. Bagi membentuk barisan guru BM yang mampu berkembang seiring, malah menerajui perkembangan zaman, program pendidikan dan latihan guru BM abad ke-21 perlu digubal dengan rapi dan terperinci. Garis panduan yang telah dihasilkan daripada kajian ini diharap dapat membentuk guru-guru BM yang berkesan dan berdaya saing, serta dapat meneruskan perkembangan profesionalisme diri serta mengangkat martabat dan kedudukan profesion perguruan.

RUJUKAN

- Asraf, 1986. *Manifesto budaya*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan, 1996. Isu-isu Peningkatan Profesionalisme Pendidikan Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*.
- Bahagian Pendidikan Guru, 1998. *Kurikulum Kursus Dalam Perkhidmatan: Latihan Guru Sekolah Bestari*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Sekolah dan Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan, 1997. "Pendidikan Bestari dari Segi kurikulum". Kertas kerja dibentangkan dalam Wawancara Pendidikan ke-4. Maktab Perguruan Pasir Panjang.
- Baharuddin Aris, Mohd Salleh Abu, Ellington, H.I., dan Dhamotharan, M., 1999. "Analysing the Needs of Continuing Teacher Education Students and Subject Matter Experts' Opinions Prior to Multimedia Courseware Development". *Suara Pendidik*. Jil.21 (3).
- Bardos, J., 1995. "Models of Contemporary Foreign Language Teacher Training: Theory and Implementation (Sketch of a Vocation between 1988–1994)". Tesis Doktor Falsafah: University of Veszprem, Hungary.
- Faridah Serajul Haq, 2000. "Pendidikan Guru Alaf Baru". UKM: Bangi.
- Fitch. M.E. dan Kopp. W.W., 1990. *Staff Development for the Practitioner: Planning, Procedures, Practices, and Assessment*. Springfield, Illinois. Charles Thomas.
- Fullan, M., 1993. *Change Forces*. New York: Falmer Press.
- Hanipah Hussin, 1999. "The Need for Reflective Teachers in Malaysia: What and Why"? *Suara Pendidik*. Jil. 21 (3).
- Hunkins, F.P., 1989. Fostering doubt and suspicion: goal of curriculum. *Journal of Curriculum and Supervision, Fall edition. M/S 81–90*.
- Hutchinson. T. Waters A., 1986. *English for Specific Purposes: A Learning-Centered Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Johnson, K., 1979. Communicative Approaches and Communicative Processes. Dalam C. J. Brumfit dan K. Johnson (pyt.) *The Communicative Approach to Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Joyce, B., dan Calhoun E., 1995. School Renewal: An inquiry, not a formula. *Educational Researcher*, April, 51–55.
- Juriah Long dan rakan-rakan, 1999. *Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Alaf Baru*. Kertas kerja Kolokium Pendidikan ke-7, pada 7–9 Mei 1999 di Selesa Hillhome, Bukit Tinggi, Pahang Darul Makmur.
- Juriah Long, 1997. *Cabaran-cabaran dalam Pendidikan Guru Bahasa Melayu Menjelang Abad ke-21*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen PERPEMA 1997: Menangani Isu-isu Kritikal dalam Pendidikan ke Arah Abad ke-21. Kuala Lumpur: Hotel Legend pada 14–16 Julai.
- Juriah Long, 1998. *Pendidikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Antarabangsa dalam Era Industrialisasi dan Globalisasi*. Prosiding Pendidikan Abad ke-21. Bangi: Fakulti Pendidikan.

- Kaufman, R., 1988. *Planning Education Systems: A Result Based Approach*. Lancaster: Technomic Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997a. *The Malaysian Smart School, An MSC Flagship Application: A Conceptual Blueprint*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997b. *The Malaysian Smart School, An MSC Flagship Application: A Conceptual Blueprint*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lieberman, A., 1995. Practices that support teacher development: Transforming conceptions of professional learning. *Phi Delta Kappan*, April, 591–596.
- Mahathir Mohamad, 1991. *Malaysia Melangkah ke Hadapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa.
- Maznah Mazlan, 1999. *Pengalaman Guru Sekolah Bestari*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pembestarian Pendidikan, 4–6 April 1999 di Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Majid Konting, 1997. *Menangani Isu Kritikal dalam Pendidikan ke Arah Abad ke-21*: Anjakan paradigma pendidikan keguruan. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen PERPEMA 1997: Menangani isu-isu kritikal dalam pendidikan ke arah abad ke-21. Kuala Lumpur: Hotel Legend pada 14–16 Julai.
- Morrow, K., 1981. *Principles of Communicative Methodology*. Dalam K. Johnson dan K. Morrow (pyt.). *Communication in the Classroom*. Essex: Longman.
- Nik Mohd. Rahimi, 1998. *Bahasa Arab untuk Kemahiran Komunikasi: Satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad ke-21*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Isu-isu Pendidikan Negara, pada 26–27 November 1998, di Kelab Rekreasi Universiti di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Novick, R., 1996a. *School-Based Early Childhood Centers: Challenges and Possibilities*. Portland, OR: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Novick, R., 1996b. Actual Schools, Possible Practices: New Directions in Professional Development. *Educational Policy Analysis Archives*. Vol. 4, No. 14.
- Nunan, D., 1988. *The Learner-Centred Curriculum: A Study in Second Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Oller, J. W., dan Oller, J.W. Jr., 1993. *An Integrated Pragmatic Curriculum: A Spanish Program*. Dalam Oller, J.W. Jr., (pyt.). *Methods That Work: ideas for literacy and language teachers* (2nd edition). Boston: Heinle dan Heinle.
- Ornstein, A. C., dan Hunkins, F.P., 1993. *Curriculum: foundations, principles and issues*. Boston: Allyn & Bacon.
- Pasukan Petugas Sekolah Bestari, 1997. *Sekolah Bestari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pratt, D., 1994. *Curriculum Planning: A Practical Handbook for Professional*. Forth Worth: Harcourt Brace College.

- Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM*. Edisi Sekolah Bestari. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 1996. *Kurikulum Abad ke-21: Kertas konsep*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan.
- Raja Mohd. Fauzi Musa, 1997. *Policy and Practice Under the Malaysian Philosophy of Education*. Tesis Ph.D., University of Manchester, England.
- Razali Arof, 1996. *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Ismail, 1992. *Wawasan 2020: Cabaran kepada Pendidik Guru*. Kertas kerja dibentangkan di Minggu Budaya dan Wacana Pendidikan "Pendidikan guru Menangani Wawasan 2020" di Kota Bharu: Maktab Perguruan Kota Bharu pada 5–7 September 1992.
- Richard. J., 1984. *Language Curriculum Development*. RELC Journal. Vol. 15, No. 1.
- Richards, J. C., dan Rodgers, T., 1986. *Approaches and Methods in Language Teaching*. New York: Cambridge University Press.
- Robiah Sidin, 1994. *Pendidikan di Malaysia: Cabaran untuk masa depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Robinson, P., 1991. *EST (English for Specific Purposes)*. Oxford: Pergamon Press.
- Rossett, A., 1987. *Training Needs Assessment*. Englewood Cliffs, New Jersey: Educational Technology Publication.
- Ruslin Amir, Jamaludin Badusah dan Noor Kepli Sulong, 2000. Sekolah Bestari: Kepentingan Penyesuaian Sumber Multimedia dan Internet dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Pendidikan Guru Alaf Baru*. UKM: Bangi.
- Rustam A. Sani, 1993a. *Melayu Baru dan Bangsa Malaysia* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution.
- Rustam A. Sani, 1993b. *Politik & Polemik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Salleh Hassan, 1997. *Pendidikan Guru Abad ke-21*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen PERPEMA ke-9, 14–16 Julai 1997 di Hotel Legend, Kuala Lumpur.
- Sanders, W.L., dan Rivers, J.C., 1996. *Cumulative and Residual Effects of Teachers on Future Student Academic Achievement*. Knoxville: University of Tennessee.
- Saylor, J.G. Alexander, W.M., dan Lewis, A.J., 1981. *Curriculum Planning for Better Teaching and Learning* (Edisi 4). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Scriven. M.S., dan Roth, J.L., 1978. *Needs Assessment: Concept and Application*. Englewood Cliffs, New Jersey: Technology Publications.
- Stevens, P., 1978. *New Orientations in Teaching English*. Oxford: Oxford University Press.
- Suarez. L.M., 1991. *Needs Assessment Studies, in A Lewy (ed.)*. International Ency-

- cllopedia of Curriculum: Pergamon: New York.
- Sykes, G., 1996. Reform of and as professional development. *Phi Delta Kappan*, March, 465–467.
- Unruh, G.G., dan Unruh, A., 1981. *Curriculum Developoment: Problems, Processes and Progress*, Berkeley, California: McCutchan.
- Wallace, M. J., 1991. *Training Foreign Language Teachers: A Reflective Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wallace, M.J., 1991. *Training Foreign Language Teachers*. Cambridge: Cambridge Unviersity Press.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1994. *Wawasan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing.
- Wan Mohd. Zahid Wan Nordin, 1994. *Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian*. KL: Cahaya Pantai Publishing.
- Wilkins, D.A., 1976. *National Syllabuses*, London: Oxford University Press.
- Wright, S.P.; Horn, S.P., dan Sanders, W.L., 1997. Teacher and classroom context effects on student achievement: Implications for teacher evaluation. *Journal of Personnel Evaluation in Education*, 57–67.